

HASSAN (kanan) menyampaikan cenderahati kepada Ab Rauf.

# Cadang anjurkan hari perancangan bandar di Melaka – KM

BANDA HILIR 26 November – Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) tahun hadapan dicadang untuk dianjurkan di Negeri Melaka.

Ketua Menteri, Datuk Seri Utama Ab Rauf Yusoh berkata, ia berikutan Melaka merupakan bumi yang kaya dengan peninggalan warisan sejarah.

"Saya berbesar hati mencadangkan supaya sambutan HPBS dibuat di Melaka tahun hadapan.

"Ditambah pula tahun hadapan adalah tahun amat penting kepada kita khususnya rakyat Melaka menyambut Tahun Melawat Melaka 2024 (TMM2024)," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia Peringkat Negeri Melaka 2023 di Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan di sini, semalam.

Ad removed. Details

Hadir sama Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Wira Zaidi Johari; Datuk Bandar Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB), Datuk Shadan Othman dan Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan) Perancangan Bandar dan Desa, TPr. Hassan Yaakob.

Dalam pada itu, Ab Rauf akan memastikan segala perancangan bandar di negeri ini tidak hanya tertumpu kepada aspek kemampanan.

"Malah, kita perlu mengutamakan kelestarian alam sekitar dan kesejahteraan rakyat," katanya.

Langgani saluran Telegram kami untuk dapatkan berita-berita yang terkini.

Views:
629